

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

SOALAN

TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan di antara 7.4 juta rakyat yang berada di Luar Tenaga Buruh, berapa merupakan suri rumah, pelajar, pesara, kurang keupayaan, tidak minat bekerja dan alasan lain-lain.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan konsep asas statistik yang digunapakai oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, **Luar Tenaga Buruh** merujuk kepada penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur. Kategori ini terdiri daripada suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), mereka yang telah bersara, tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat mencari pekerjaan.

Data Kaji Selidik Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada suku ketiga 2021 merekodkan, bilangan **luar tenaga buruh** meningkat sebanyak 5.2 ribu orang iaitu 0.1 peratus kepada 7.43 juta orang berbanding suku tahun kedua 2021 yang berjumlah 7.42 juta orang.

Lebih daripada separuh bilangan luar tenaga buruh adalah wanita yang merangkumi 68.9 peratus bersamaan dengan 5.12 juta orang. Manakala, lelaki pula merangkumi 31.1 peratus iaitu 2.31 juta orang.

Komposisi terbesar luar tenaga buruh adalah suri rumah dengan 44.1 peratus iaitu 3.27 juta orang. Ini diikuti oleh mereka yang masih bersekolah atau menjalani program latihan sebanyak 41.5 peratus bersamaan dengan 3.08 juta orang

Sementara itu, individu yang **bersara atau lanjut usia** adalah berjumlah 7.2 peratus iaitu 531.5 ribu orang manakala selebihnya 7.3 peratus yang bersamaan 520.1 ribu orang adalah kategori orang tidak berminat untuk mencari pekerjaan, tidak berkeupayaan serta akan melanjutkan pelajaran.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

SOALAN

TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan di antara 1.4 juta pendaftaran syarikat di SSM :-

- (a) berapakah syarikat yang nilai pasaran saham melebihi nilai tara (par value); dan
- (b) berapakah syarikat yang saham dimiliki oleh Bumiputera pada paras banjaran setiap 10% sehingga 100%.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah seksyen 74 Akta Syarikat 2016 yang berkuatkuasa pada 31 Januari 2017 telah memperkenalkan prinsip tanpa nilai tara (*no-par-value*) bagi pengeluaran saham oleh syarikat dan di bawah seksyen ini, tiada lagi keperluan penetapan nilai nominal sesaham atau nilai tara. Dengan pengenalan sistem tanpa nilai tara ini, syarikat akan mempunyai lebih banyak fleksibiliti dalam menentukan harga sahamnya dan meningkatkan modal kerana tiada had minimum yang ditetapkan ke atas nilai tara bagi pengeluaran saham baharu.

2. Berikutan pemansuhan nilai nominal ini, syarikat yang membuat notifikasi pengumpulan saham (*share allotment*) hendaklah mengguna pakai nilai semasa atau nilai pasaran (*market value*). Amalan ini telah diguna pakai di peringkat antarabangsa dan telah diterima secara meluas di negara-negara lain seperti Australia, New Zealand, Singapura dan Hong Kong.

3. Seterusnya merujuk kepada syarikat yang saham dimiliki oleh Bumiputera pada paras banjaran (*threshold*) setiap 10% sehingga 100%, statistik dan pelaporan pemilikan saham Bumiputera secara rasminya ditetapkan dan dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Ekonomi).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TELUK INTAN]

SOALAN

TUAN NGA KOR MING [TELUK INTAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa rakyat Malaysia yang membeli sekurang-kurangnya satu Polisi Insurans Hayat dan berapa yang mempunyai satu Polisi Insurans Perubatan serta nilai perlindungan berdasarkan nilai banjaran masing-masing.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Sehingga 30 Jun 2021, terdapat 12.3 juta rakyat Malaysia iaitu bersamaan dengan 18.7 juta pemegang polisi yang dilindungi oleh insurans hayat dan takaful keluarga (termasuk insurans/ takaful perubatan) dengan jumlah nilai perlindungan sebanyak RM2.87 trilion. Jumlah nilai perlindungan insurans hayat dan takaful secara perbandingan telah meningkat saban tahun iaitu sebanyak RM2.34 trilion, RM2.58 trilion dan RM2.79 trilion masing-masing pada tahun 2018, 2019 dan 2020.

Bagi insurans dan takaful perubatan sehingga 30 Jun 2021, terdapat 11.9 juta polisi insurans/ sijil takaful di mana kebanyakannya dilampirkan dengan polisi insurans hayat dan sijil takaful keluarga sebagai manfaat tambahan (*“rider”/ “add-on”*).

Sekian, terima kasih.